

# KEPENTINGAN ELEMEN KEROHANIAN DALAM PERLAKSANAAN AKTIVITI DI MRSM ULUL ALBAB: KAJIAN KES DI MRSM GEMENCHEH, NEGERI SEMBILAN

(THE IMPORTANCE OF THE SPIRITUAL ELEMENT IN THE IMPLEMENTATION OF ACTIVITIES AT MRSM ULUL ALBAB: CASE STUDY AT MRSM GEMENCHEH, NEGERI SEMBILAN)

Nik Safiah Nik Abdullah<sup>1</sup>  
Selamah Maamor<sup>2</sup>  
Abdullah Abd Ghani<sup>3</sup>  
Norazlina Abd Wahab<sup>4</sup>  
Mohd Shahril Ahmad Razimi<sup>5</sup>  
Ahmad Bashir Aziz<sup>6</sup>  
Nor Hanim Elias<sup>7</sup>

## Abstrak

*Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana pihak pengurusan sekolah menekankan elemen-elemen kerohanian dalam perlaksanaan semua aktiviti-aktiviti di sekolah dan cabaran yang dihadapinya bagi melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan sahsiah. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi temubual ke atas pihak pengurusan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan. Melalui analisa yang dilakukan, kajian ini mendapati pihak pengurusan sekolah menekankan elemen-elemen kerohanian dalam hampir semua aktiviti yang dijalankan di sekolah sama ada dalam kurikulum, aktiviti asrama dan juga termasuk aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu juga, pihak pengurusan sekolah mendapat sokongan penuh dari pelajar, waris dan juga masyarakat dalam usaha mereka memberikan penekanan elemen kerohanian dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa wujud pelbagai cabaran dalam perlaksanaan aktiviti yang menekankan elemen kerohanian seperti cabaran bagi pelajar untuk membahagikan masa antara pelajaran dan aktiviti yang dilaksanakan. Ini kerana aktiviti dilaksanakan sangat banyak dan jadual mereka terlalu padat.*

**Kata kunci:** Elemen Kerohanian, Aktiviti Asrama, Kurikulum, Aktiviti Kemasyarakatan

<sup>1</sup> Pelajar Pascasiswazah, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60194071368 E-mail: nik\_safiah@uya.uum.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah , Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

<sup>3</sup> Pensyarah , Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

<sup>4</sup> Pensyarah , Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

<sup>5</sup> Pensyarah , Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

<sup>6</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

<sup>7</sup> Pelajar Pascasiswazah, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

## Abstract

*This study was conducted to see how far the school management emphasizes the elements of spirituality in the implementation of all activities in the school and the challenges it faced in order to produce excellent students academically and personality. This study applies qualitative method through an interview on the management of Mara Junior Science Colleges (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan. From the analysis carried out, this study found that the school management emphasizes the elements of spirituality in almost all the activities carried out in school either in the curriculum, hostel activities and also includes community activities. In addition, the school management has the full support of the students, beneficiaries as well as the communities in their efforts to emphasize the spiritual elements in each activities implemented. However, it is undeniable that existed challenges in the implementation of activities that emphasize the spiritual elements such as challenge for the students to divide the time between studies and activities undertaken. This is because there are so many activities undertaken and their schedule is too compact.*

**Keywords:** Spiritual Element, Hostel Activities, Curriculum, Community Activities

2015 GBSEJournal

## Pengenalan

Dalam era globalisasi, manusia mengejar kejayaan sejajar dengan arus pemodenan yang semakin meningkat. Justeru, pelbagai program telah dilaksanakan agar tidak tercicir serta setanding antara satu sama lain. Ramai terlupa bahawa manusia yang terdiri dari dua unsur rohani dan jasmani perlukan tuntutan yang seimbang. Majoriti daripada kalangan mereka hanya memenuhi pembangunan bersifat material sahaja tanpa penekanan kepada aspek rohani atau pembinaan sahsiah. Sedangkan Islam menuntut umatnya agar cemerlang dalam kedua-dua aspek tersebut. Malah, aspek sahsiah itulah yang lebih utama. Ini kerana bermula dari sinilah maka cabang-cabang kecemerlangan yang lain atau pembangunan fizikal dapat dilahirkan kerana manusia bermula dari dalam diri manusia itu sendiri (Mohd. Nasir, Azmishah, Ramli, Sayed Mahussain & Zulkifle, 2006).

Justeru, penghayatan agama merupakan satu unsur yang sangat penting dalam mempengaruhi kualiti peribadi seseorang pelajar muslim dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang sahsiah atau peribadi dan seimbang dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi. Penghayatan kepada agama ini hanya akan terlaksana sekiranya proses penerapan nilai-nilai agama dapat dilakukan dengan berkesan dan berterusan. Penerapan nilai-nilai agama ini secara khususnya boleh dilaksanakan melalui perlaksanaan program-program bercorak kerohanian yang boleh dilakukan samada secara formal atau tidak formal (Baharin, Aminatuzuhariah, Mohd Farhan & Norsamsiah, 2008).

Maka, golongan pelajar hendaklah diisi dan diberikan pendedahan mengenai Islam dengan sejelas-jelasnya dan disepadukan dengan penghayatan yang dituntut oleh Islam. Jika dibiarkan dengan tidak diorientasikan dan ditarbiyyah dengan Islam, maka kelak mereka akan menerima dan terpengaruh dengan sistem yang palsu serta sesat. Akhirnya, membawa kelumpuhan dan ketandusan kepada para penggerak Islam itu sendiri. Oleh itu, program dan kegiatan Islam untuk generasi pelajar perlu disusun dan dilaksanakan segera terutamanya di

sekolah-sekolah memandangkan institusi ini agak sesuai dan mudah untuk menggerakkan dan mengumpulkan pelajar-pelajar (Mohd Ismail & Salini, 2010).

Program kerohanian merupakan aktiviti-aktiviti yang lebih kepada keagamaan yang mampu membina jati diri yang mantap dalam kalangan pelajar di sekolah sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan para pelajar (Syarifah Nooraida & Syarifah Fatimah, 2011). Maka, aktiviti-aktiviti yang menekankan elemen kerohanian adalah suatu ikhtiar untuk membina potensi diri setiap insan. Adalah amat penting bagi setiap pelajar mempelajari dan memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan kerohanian bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah. Individu yang terbina rohani, jasmani, akal dan emosinya adalah mereka yang dapat memimpin diri dan juga orang lain ke arah kecemerlangan dan keberkatan di dunia dan akhirat.

Namun, jika elemen kerohanian tidak diterapkan dalam kehidupan seharian, maka pelbagai masalah sosial akan timbul. Saban hari, pelbagai krisis akhlak dan moral terus menular, merebak dalam masyarakat kita terutamanya yang melibatkan remaja. Kajian ini dijalankan memandangkan masalah pelajar di sekolah telah berlarutan sekian lama dan membungkungkan banyak pihak terutama pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan ibu bapa pelajar. Ini seperti mana dilaporkan di media massa (Utusan Online, 2011), penglibatan golongan remaja berusia antara 15 hingga 20 tahun dalam kegiatan jenayah dilihat semakin membimbangkan apabila indeks jenayah pembabitan mereka kini mengalami peningkatan yang drastik. Menurut laporan dari Faizatul Nadia (Utusan Online, 2014), berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencatatkan bahawa pertambahan sebanyak 5,305 kes juvana iaitu 3,399 kes pada tahun 2012 dan 8,704 kes pada tahun 2013. Gejala sosial yang berlaku sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para pelajar.

Lebih-lebih lagi pelajar-pelajar di sekolah menengah berteraskan agama yang sepatutnya dapat memanfaatkan ilmu yang mereka perolehi dalam membentuk sahsiah yang baik. Di pihak guru-guru pula merasakan pengorbanan mereka mencurahkan ilmu pengetahuan tidak mendatangkan pulangan yang setimpal dengan usaha mereka. Di pihak sekolah pula, seboleh-bolehnya mahu memaparkan imej yang bersih semata-mata, walaupun realitinya tidak demikian. Masalah yang dihadapi belum dapat di selesaikan, semakin parah, mencemaskan dan menghantui pelbagai pihak. Selaku pihak yang bertanggungjawab tidak boleh mengambil sikap menunggu sehingga keadaan menjadi serius baru tindakan mahu diambil kerana dikhuatiri apabila sampai ke peringkat itu kelak, segala-galanya mungkin sudah terlambat.

Walaupun pelajar-pelajar Islam hari ini kebanyakannya telah didedahkan dengan pengajian agama Islam di sekolah-sekolah, namun penghayatannya masih kurang diberi penekanan. Apa yang membimbangkan pihak ibubapa adalah keruntuhan akhlak yang kian berlaku di kalangan pelajar semasa di sekolah atau asrama. Antara kepincangan akhlak pelajar di sekolah adalah ponteng sekolah, gengster, menceroboh dan mencuri, membuli, merokok, melawan pihak sekolah, melanggar disiplin sekolah, berdua-duaan dalam keadaan yang mencurigakan, menjadikan perpustakaan sebagai tempat pertemuan bagi pasangan yang bercinta, penyalahgunaan dadah, menipu atau meniru dalam peperiksaan, memonteng sekolah, berhibur ke tempat yang tidak sepatutnya, berpakaian yang kurang sopan dan penglibatan pelajar dengan jenayah dalam konteks yang lebih luas (Abd. Rahim, 2000). Masalah sosial yang berlaku sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para

pelajar. Terdapat pelajar-pelajar yang dikenakan tindakan disiplin oleh pihak pentadbiran sekolah seperti dibuang sekolah, digantung dan sebagainya kerana terlibat dalam perbuatan salahlaku. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ibubapa pelajar.

Kepincangan norma akhlak yang murni dalam kalangan masyarakat antaranya juga berpunca daripada kurangnya fokus dan penumpuan terhadap pembinaan kerohanian yang sempurna dan mantap. Maka, pembinaan akidah yang sempurna dan sesuai dengan landasan syariat Islamiah adalah merupakan tunjang penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni serta cemerlang duniaawi dan ukhrawi (Syarifah Nooraida & Sharifah Fatimah, 2011). Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan melihat sejauhmana pihak pengurusan sekolah iaitu Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) Gemencheh, Negeri Sembilan menekankan elemen-elemen kerohanian dalam perlaksanaan semua aktiviti-aktiviti di sekolah dan cabaran yang dihadapinya bagi melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang akademik dan sahsiah.

## Sorotan Literatur

Pendidikan rohani merupakan aspek terpenting dalam sesebuah sistem Pendidikan Islam kerana ia dapat memberi keseimbangan akhlak atau keperibadian para pelajar muslim (Asar & Ahmad Fazullah, 2008). Ini kerana rohani adalah elemen yang berkaitan dengan hati, jiwa, naluri atau seumpamanya yang memberi makna yang sama iaitu merujuk kepada ruh manusia itu sendiri yang tidak diketahui oleh manusia melainkan sedikit sahaja. Hal ini bertepatan dengan *Falsafah Pendidikan Islam* itu sendiri iaitu Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan yang bersepada dalam menyampaikan ilmu, membina kemahiran diri, dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah dengan meningkatkan potensi diri dari sudut spiritual (kerohanian), fizikal, intelek, emosi dan sosial agar menjadi manusia yang bertanggung jawab terhadap Allah, manusia, dan persekitaran alam ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Turki Rabih (1982) menyatakan Falsafah Pendidikan Islam dibina berdasarkan empat rukun iaitu:

- (a) Iman yang teguh kepada Allah dan Rasul, malaikat, syurga, neraka dan hari kebangkitan.
- (b) Akhlak yang baik dan mulia.
- (c) Berilmu dalam erti yang menyeluruh.
- (d) Amal soleh di dunia dan akhirat.

Pembentukan rohani berkait rapat dengan pendidikan akhlak seseorang itu. Ini kerana seseorang yang tampil dengan akhlak serta peribadi yang mulia adalah lahir daripada jiwa yang bersih dan rohani yang suci. Pendidikan ini bermula seawal peringkat bayi yang masih dalam kandungan lagi seterusnya kanak-kanak, remaja dan dewasa. Suasana persekitaran memiliki kesan yang sangat besar dalam pembentukan keperibadian anak-anak (al-Ghazali, 1988).

Persoalan berkaitan perlaksanaan aktiviti kerohanian banyak dibahaskan dalam penulisan masa kini. Beberapa penulisan jurnal dan kertas kerja turut membincangkan permasalahan tersebut antaranya Syarifah Nooraida dan Sharifah Fatimah (2011), Asifa dan Abdul Jalil (2000), Suhana dan Osman (2002) serta Mohd. Mahzan, Sayuti, Che Pee dan Md. Sabri

(2008). Menurut Suhana dan Osman (2002), terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kesuraman aktiviti kerohanian di kalangan siswi muslim di Kolej Tun Razak seperti kemudahan surau yang kurang memuaskan, pemberitahuan tentang aktiviti kerohanian yang tidak disampaikan dengan baik dan siswi lebih berminat untuk melakukan ibadah secara individu.

Satu kajian yang dijalankan oleh Mohd. Mahzan et al. (2008) berkaitan peranan surau sebagai institusi sosial ke arah pembangunan insan, kajian kes di Institusi Pengajian Tinggi mendapati ramai remaja tidak mengambil berat dan tidak mengambil peduli terhadap perkembangan syiar Islam dan aktiviti kerohanian di surau. Para remaja tidak merasa terikat dengan surau. Hasil kajian mereka mendapati aktiviti anjuran surau yang paling diminati remaja adalah aktiviti bercorak sambutan perayaan. Ia diikuti aktiviti bercorak majlis kenduri yang mempunyai elemen jamuan iaitu majlis berbuka puasa, majlis doa selamat dan ibadah qurban. Memandangkan bacaan yasin beserta jamuan adalah aktiviti yang dijadikan rutin di surau, maka ia turut mencatat peratusan minat yang tinggi. Aktiviti bercorak keilmuan dan pembelajaran kemahiran dalam keagamaan adalah antara aktiviti yang terletak dalam kategori yang sederhana peminatnya.

Berdasarkan kajian lepas yang dibincangkan di atas, ia jelas menunjukkan perlunya penekanan elemen kerohanian dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan terutama pihak sekolah yang mempunyai hubungan langsung dengan pelajar-pelajarnya. Ini bagi memastikan visi dan misi pendidikan negara untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik mahupun sahsiahnya dapat dicapai.

## Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi kajian kes di mana temubual dijalankan untuk mengumpul data. Pihak pengurusan sekolah yang ditemubual adalah Timbalan Pengetua Hal Ehwal Pelajar (HEP) di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan bagi mencapai objektif kajian. Pemilihan responden adalah berbentuk persampelan bertujuan. Proses pengumpulan data telah diperolehi melalui data primer iaitu melalui temu bual berstruktur dan juga data sekunder yang merujuk kepada bahan kajian seperti jurnal-jurnal, buku-buku dan prosiding sedia ada yang membincangkan mengenai kepentingan kerohanian. Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan telah dipilih sebagai sampel kajian kerana ia merupakan antara MRSM terawal yang melaksanakan Program Ulul Albab iaitu program tahniz. Justeru, MRSM ini telah dikenal pasti menggunakan kaedah pendekatan kerohanian dalam perlaksanaan setiap aktiviti yang dijalankan. Hasil temubual dengan pihak pengurusan sekolah telah dianalisa dan dibincangkan dalam tema-tema tertentu. Di dalam kajian ini, terdapat 20 soalan terbuka yang dikemukakan kepada pihak pengurusan. Di antara soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi aspek seperti latar belakang sekolah, kesediaan melaksanakan aktiviti kerohanian, masalah yang dihadapi dalam perlaksanaan aktiviti kerohanian dan bentuk-bentuk aktiviti kerohanian yang telah dijalankan

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Berdasarkan kepada analisis temubual yang telah dibuat, maka perbincangan terhadap hasil kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa aspek seperti latar belakang sekolah, pengurusan perlaksanaan aktiviti-aktiviti sekolah, penekanan elemen kerohanian dalam aktiviti-aktiviti sekolah dan cabaran dan halangan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti.

### ***Latar Belakang Sekolah***

MRSM Gemencheh merupakan MRSM yang ke-tiga ditubuhkan di Negeri Sembilan. Kapasiti pelajar adalah seramai 840 orang, dengan 360 orang untuk menengah rendah (tingkatan 1-3) dan 480 orang menengah atas (tingkatan 4-5). MRSM Gemencheh mula beroperasi pada 18 Disember 2006 tetapi pengambilan pertama pelajar-pelajar bermula pada 16 April 2007 dan pengambilan kedua pada 7 Mei 2007. Bagi pengambilan Tingkatan 1, MRSM menawarkan dua aliran iaitu Biasa dan (Agama) Ulul Albab. MRSM Gemencheh adalah salah sebuah daripada tiga buah MRSM seluruh Malaysia yang menjalankan program Ulul Albab (UA) selain dari MRSM Kota Putra, Terengganu dan MRSM Kepala Batas, Pulau Pinang. Sistem pendidikan MRSM Agama ini merangkumi Pengajian Al-Quran (Hafazan), Bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Jepun selain subjek teras seperti yang sedia ada di MRSM.

### ***Pengurusan Perlaksanaan Aktiviti-Aktiviti Sekolah***

Lazimnya, aktiviti-aktiviti bercorak kerohanian yang dianjurkan di sekolah-sekolah kurang mendapat sambutan hangat oleh para pelajar berbanding aktiviti-aktiviti yang bercorak hiburan. Namun begitu, ianya berbeza bagi pelajar-pelajar MRSM Gemencheh di dalam kajian ini kerana kebanyakkan pelajar memberi komitmen sepenuhnya dalam setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ini kerana setiap aktiviti-aktiviti di MRSM ini sentiasa memberi penekanan kepada elemen kerohanian. Justeru, pelajar-pelajar menghadiri setiap aktiviti dengan kerelaan hati mereka dan tanpa paksaan kerana mereka menyedari bahawa elemen kerohanian adalah penting sebagai salah satu pendekatkan diri mereka kepada Pencipta.

Dari sudut perbelanjaan setiap aktiviti-aktiviti bercorak kerohanian bergantung kepada jenis aktiviti seperti aktiviti dalaman tidak melibatkan kos, manakala terdapat juga waris pelajar-pelajar yang menaja aktiviti-aktiviti yang bercorak kerohanian. Agensi yang terlibat dan memberi sumbangan untuk aktiviti-aktiviti bercorak kerohanian di MRSM Gemencheh adalah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Jabatan Pendidikan Negeri dan juga syarikat-syarikat dari waris pelajar. Di samping itu, MRSM Gemencheh juga memilih ustaz-ustaz terlatih dari sekolah itu sendiri dan juga jemputan khas yang dibenarkan (tidak bermasalah) oleh JAKIM atau MAINS bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti bercorak kerohanian.

Kebiasaanya, penyelidikan akan dilakukan sebelum melaksanakan setiap aktiviti-aktiviti berdasarkan kepada komen, pengalaman senior pelajar dan pengalaman pelajar dari sekolah lain. Ahli Jawatankuasa Pelaksana program perlu mematuhi peraturan/ prosedur sekolah, asrama, Kementerian Pelajaran, MAINS dan juga JAKIM sebagai panduan. Pihak pengurusan MRSM juga akan mengikuti semua dasar yang telah ditetapkan. Namun begitu,

mereka juga menambah satu program kurikulum iaitu Kurikulum Dinniyyah seperti program hafazan. Bagi pelajar tingkatan 4, mereka menawarkan kursus Syariah sebagai salah satu daripada program kerohanian formal.

Berdasarkan hasil temubual, faktor suasana persekitaran di sekolah yang menekankan dan menyerapkan nilai-nilai murni dan sistem pendidikan agama yang berterusan dan mantap memainkan peranan utama dalam mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam setiap aktiviti-aktiviti di sekolah. Selain itu, pelajar-pelajar juga tertarik dengan corak perlaksanaan aktiviti-aktiviti di sekolah ini. Tambahan lagi, pelajar-pelajar sangat teruja kerana mereka diberi kebebasan untuk memilih sendiri program yang ingin mereka sertai. Selain itu, perlaksanaan setiap aktiviti-aktiviti di MRSRM ini sentiasa mendapat sokongan sepenuhnya daripada ibu bapa dan waris pelajar.

### ***Penekanan Elemen Kerohanian dalam Aktiviti-Aktiviti Sekolah***

Hasil temubual daripada kajian ini mendapati bahawa pihak pengurusan MRSRM Gemencheh menekankan elemen kerohanian dalam semua aktiviti-aktiviti termasuk aktiviti kurikulum, asrama dan kemasyarakatan.

#### ***a. Aktiviti Kurikulum***

Di dalam aktiviti kurikulum, guru-guru sentiasa menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar samada secara langung dan tidak langsung. Manakala, guru-guru juga mengajak pelajar-pelajar agar setiap perkara yang dilakukan mestilah dimulai dan diakhiri dengan doa supaya mendapat keberkatan dariNya. Selain pembelajaran akademik, program Ulul Albab adalah salah satu aktiviti kurikulum yang dijalankan di sekolah ini dengan penekanan yang mendalam terhadap elemen kerohanian. Ulul Albab bermaksud satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh dalam Al Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya.

Program Ulul Albab merupakan satu program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk tahfiz Al-Quran. Program pendidikan MRSRM Ulul Albab ini akan melahirkan ahli professional, teknokrat, usahawan dan mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab. Program ini dilaksanakan bermula jam 7.40 pagi sehingga 9.00 pagi dan diteruskan selepas sesi persekolahan bermula jam 2.00 petang hingga 2.40 petang secara formalnya dan antara waktu maghrib hingga isyak untuk kelas tambahan. Sasaran hafazan oleh pelajar ialah 30 juzu' al-Quran selama 3 tahun (tingkatan 1-3). Semua pelajar diberi tempoh selama 3 tahun untuk khatam hafazan 30 juzu' al-quran serta memahami berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar.

#### ***b. Aktiviti Asrama***

Semua pelajar di MRSM Gemencheh diwajibkan tinggal di asrama. Justeru, mereka diasuh dan dididik menjalani rutin kehidupan mengikut lunas-lunas Islam. Di MRSM, amalan kerohanian dibahagikan kepada dua jenis iaitu amalan wajib seperti solat fardhu berjemaah dan puasa ramadhan, manakala amalan sunat pula seperti puasa sunat, solat sunat, solat terawih, membaca dan menghafal al-Quran, memahami maksud ayat al-quran, membaca doa harian, bersedekah, memberi salam dan senyum. Selain sambutan Maulidur Rasul dan penghayatan bulan Ramadhan, *tazkirah* maghrib, bacaan surah *yassin*, *usrah*, *qiamullail* dan ceramah agama setiap minggu oleh pelajar sekolah dan setiap bulan oleh penceramah jemputan juga dilaksanakan bagi pengisian rohani pelajar-pelajar sekolah mereka.

Aktiviti *tazkirah* dan bacaan surah *yassin* pada setiap kali program dijalankan akan memantapkan ukhwah sekali gus mendidik umatnya agar terus tunduk kepada Maha Pencipta dan melaksanakan seruanNYA untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat kelak. Manakala, Program *usrah* pelajar adalah satu bentuk kegiatan dan pengisian yang paling penting diadakan serta digerakkan di sekolah. *Usrah* merupakan suatu usaha untuk menyelesaikan masalah ummat secara praktik dan sunnah. Permasalahan ummat termasuklah keadaan ummat dari segi *siasah* dan *fikrahnya* (Mohd Ismail & Salini, 2010). Program Ihtifal juga turut diadakan bagi menyokong pembentukan intelektual pelajar yang mempunyai roh *al-Qal-Quran*. Antara aktiviti yang dianjurkan dalam program tersebut ialah pertandingan *Liga Huffaz*, taranum, tafsir, pidato bahasa arab, hafazan, kuiz mini UA dan inovasi Muslim. Penganjuran program seperti ini adalah bertepatan dengan kejayaan MRSM dalam melahirkan ramai golongan kelas menengah yang berkualiti serta telah memberikan impak yang amat signikan kepada kemajuan negara.

### c. Aktiviti Kemasyarakatan

Dalam usaha melahirkan pelajar yang bukan hanya menumpukan kepada program akademik, MRSM Gemencheh turut memberi penekanan terhadap kemahiran insaniah serta pendedahan kepada realiti hidup bermasyarakat. Justeru pelbagai aktiviti khidmat masyarakat disusun dan dilaksanakan secara berkala bagi memberi peluang setiap pelajar merasai pengalaman berharga ini.

Program Khidmat Masyarakat di MRSM Gemencheh ini bukan sahaja dijalankan di Negeri Sembilan tetapi seluruh Malaysia malah antarabangsa. Antaranya ialah Program Khidmat Masyarakat di Kemboja dengan membawa pelajar-pelajar menyaksikan sendiri kehidupan rakyat Kemboja, Program Khidmat Masyarakat Antarabangsa di China dengan menziarahi Pusat Islam Beijing dan menyampaikan bantuan kewangan serta Musyaf al-quran dan Program Khidmat Masyarakat Islam, Padang-Bukit Tinggi, Indonesia & Medan, Indonesia. Selain itu, MRSM ini juga telah menganjurkan Program Kembara Haramain iaitu membawa pelajar-pelajar yang terpilih ke Tanah Suci bagi menunaikan ibadah umrah dan ziarah serta *Talaqqi Musyafahah* di Masjid Nabawi dan Masjidil Haram.

Sementara itu, Program Khidmat Masyarakat bersama pelajar-pelajar sekolah rendah turut dilaksanakan oleh MRSM ini seperti Kem Tahfiz, Al-Furqan Pontian, Kem Pro

Little Muslim ‘Expert Solat’, Program Rumah Anak Yatim dan sebagainya. Manakala, antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pelajar-pelajar UA bersama anak-anak yatim ialah ice breaking, energizer, wuduk yang sempurna, solat yang sempurna dan tertib serta bacaan al-quran dan tajwid.

Seterusnya, pihak pengurusan MRSM ini juga tidak terlepas pandang dari menjalankan aktiviti-aktiviti bersama penduduk-penduduk kampung melalui Program Khidmat Masyarakat bersama penduduk felda dengan membersihkan kawasan kampung, balai raya dan tadika. Aktiviti khidmat masyarakat ini diharap mampu menjadikan setiap pelajar Ulul Albab menjiwai dan mempunyai rasa kebertanggungjawaban bukan hanya kepada diri dan keluarga, bahkan terhadap masyarakat sekeliling dan juga antarabangsa. Ini kerana setiap aktiviti yang dianjurkan tidak lari dari memberi penekanan yang kukuh kepada elemen kerohanian.

### ***Cabaran dan Halangan***

Walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa wujud pelbagai cabaran dalam perlaksanaan aktiviti yang menekankan elemen kerohanian ini. Antara cabaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar MRSM Gemencheh ini adalah cabaran untuk membahagikan masa antara pelajaran dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Ini kerana jadual mereka terlalu padat dan kesibukan akademik seseorang pelajar itu menjadi penghalang untuk pelajar menghadiri aktiviti-aktiviti sekolah. Selain itu, pelajar-pelajar mengadu kepada pihak pengurusan sekolah bahawa aktiviti-aktiviti sekolah sangat banyak disediakan dan kadang-kala bertindan antara anjuran sekolah, asrama dan persatuan. Maka, ini menjadikan pelajar-pelajar tidak sempat untuk menghayati sebenar-benarnya setiap aktiviti yang disertai. Oleh itu, perlunya keselarasan setiap aktiviti kerohanian yang diadakan dari pihak penganjur agar tidak membebangkan pelajar untuk menyertai, menghayati dan memahami setiap aktiviti yang dianjurkan agar elemen kerohanian terserap dalam diri pelajar-pelajar.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Elemen kerohanian amat penting kerana generasi pada hari ini dihambat dengan pelbagai cabaran global di mana dunia maya telah merempuh semua sudut kehidupan tanpa sempadan, tempat, masa dan kepelbagaian sama ada kita suka atau tidak. Justeru, hakikatnya kesedaran dan kecintaan beragama adalah amat penting kerana melalui ajaran yang suci maka segala yang bertentangan dengan norma-norma dapat dihindarkan. Penganjuran aktiviti-aktiviti yang menekankan elemen kerohanian juga antara lain dapat memupuk nilai-nilai kerohanian yang perlu diterap pada generasi muda agar pembangunan modal insan terus subur dalam meniti liku kehidupan yang semakin kompleks dan mencabar.

Berdasarkan hasil kajian ini, didapati kebanyakan pelajar bersedia dan berminat untuk mengikuti aktiviti-aktiviti khususnya yang bercorak kerohanian di sekolah. Kebanyakan mereka juga menyedari akan pentingnya elemen kerohanian dalam setiap aktiviti-aktiviti yang mereka sertai bagi melahirkan peribadi yang mempunyai akhlak yang mulia, selain dapat mewujudkan ukhuwah dan hubungan yang baik sesama mereka. Penekanan elemen kerohanian ini juga diharapkan akan dapat mendidik para pelajar dengan sikap saling hormat

menghormati dan menjalankan ukhwah sesama Islam melalui bersalaman dan saling bermaafan pada setiap kali penghujung aktiviti. Justeru, hubungan akrab dan tulus antara pelajar dan pelajar serta antara guru dan pelajar akan dapat mewujudkan suasana harmoni di sekolah ini.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang menekankan elemen kerohanian ini maka nilai-nilai murni seperti sabar, bersyukur, keinsafan, bekerjasama, menghargai, ehsan dan kemuliaan dapat dipupuk bukan sahaja di kalangan pelajar-pelajar tetapi seluruh warga sekolah. Ini kerana daripada aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan melalui perbincangan dan interaksi sesama mereka, ianya secara tidak langsung mampu membentuk ukhuwah yang baik apabila mereka saling kenal mengenali di antara satu sama lain. Semangat kecintaan bersama dan saling menghargai bukan sahaja amalan yang amat mulia bahkan jalinan kerukunan ini adalah lambang kesejahteraan bersama.

Pada keseluruhannya, ternyata pihak pengurusan sekolah amat peka terhadap kepentingan elemen kerohanian dalam aktiviti-aktiviti di sekolah. Ditambah dengan kesediaan ibu bapa para pelajar untuk bersama-sama menyokong pihak sekolah dalam melahirkan generasi Ulul Albab. Selain itu juga, program seperti Ulul Albab di MRSM ini dilihat berjaya melahirkan lebih ramai ahli profesional dan teknokrat dalam kalangan *al-huffaz* (penghafal al-quran). Selaras dengan transformasi pendidikan nasional, aktiviti-aktiviti seperti ini memberi penekanan bukan sahaja kepada kecemerlangan akademik tetapi penumpuan khusus turut diberikan dalam pembangunan sahsiah pelajar yang meliputi penekanan konsep kerohanian.

Namun, masih ada ruang untuk pihak pengurusan MRSM menambahbaik strategi perlaksanaan aktiviti-aktiviti di sekolah. Kajian ini mengemukakan beberapa cadangan di mana sewajarnya tindakan bersepada perlu dirangka bagi memantapkan dan memperbaiki perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang menekankan elemen kerohanian di kalangan pelajar. Di antara beberapa perkara yang boleh dilakukan adalah seperti berikut:

- a. Menyelaraskan setiap aktiviti yang akan dijalankan di sekolah supaya tidak bertindan dengan aktiviti-aktiviti lain.
- b. Merancang aktiviti dengan lebih rapi dan tersusun bersesuaian mengikut suasana dan perayaan yang disambut dengan memfokuskan kepada objektif yang ingin dicapai.
- c. Kreatif dalam mempelbagaikan bentuk aktiviti seperti ceramah melalui sidang video, forum maya, diskusi isu semasa di dalam usrah dan sebagainya supaya lebih menarik minat pelajar.
- d. Mengintegrasikan aspek kerohanian dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti rekreasi, sukan, badan beruniform, persatuan, kursus-kursus dan sebagainya.

Antara cadangan aktiviti-aktiviti bercorak kerohanian di sekolah yang boleh dilaksanakan dan ditambahnilai adalah:

1. Mengadakan pertandingan seperti menulis cerpen Islami, kuiz Islami dengan soalan-soalan berkenaan rukun Islam, *sirah*, ibadah, tokoh-tokoh Islam dan sebagainya. Selain memastikan jawapan pada persoalan tersebut diambil dari mazhab Syafie. Begitu juga dengan pertandingan sajak, azan, nasyid, dan sebagainya.
2. Mengadakan aktiviti berzanji, membaca jawi, marhaban dan forum.

3. Mengadakan Bulan Membaca *Sirah*. Setiap minggu seperti setiap waktu rehat hari Isnin diadakan pembacaan *sirah* yang boleh didengari oleh semua pelajar Islam tentang sirah RasuluLlah, Rasul dan Nabi yang lain serta para sahabat.
4. Tayangan video Islam.
5. Edarkan phamplet atau risalah-risalah nasihat Islam.
6. Program penghayatan ibadat haji dan dengan program amalan ibadat haji.
7. Program lawatan sambil belajar seperti di Muzium Kesenian Islam atau lawatan ke masjid-masjid.
8. Setiap persatuan ada boardnya sendiri. Bolehlah sampaikan informasi mengenai isu semasa umat Islam sedunia. Informasi Sains Islam.
9. Buat penanda buku yang ada kata-kata hikmah.

Kesimpulannya, aktiviti-aktiviti yang menekankan elemen kerohanian di kalangan pelajar sangat perlu dan amat penting dilaksanakan sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah, secara berterusan dengan lebih berkesan untuk meningkatkan lagi kefahaman para pelajar mengenai Islam dan meningkatkan nilai kerohanian dalam diri pelajar dalam usaha melahirkan graduan muslim yang cemerlang sahsiahnya dan tinggi keintelektualannya.

## Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid (2000). *Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja dalam Keluarga*. Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan Keluarga, Universiti Malaya.
- Al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulumuddin*, Terj. oleh Ismail Yaakub, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Asar Abdul Karim & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2008). *Kepentingan Pendidikan Rohani dalam Pembangunan dan Pendidikan Islam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- Asifa Ishak & Abdul Jalil Borhan (2002). *Kajian Keperluan Perlaksanaan Program Kerohanian untuk Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia dan Perlaksanaan Program Pembangunan Sahsiah Pelajar dalam Aspek Kerohanian*. Satu Kajian di Kalangan Mahasiswa Islam Kolej Tun Razak. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Baharin Mesir, Aminatuzuhariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman & Norsamsiah Muhamad @ Wahab (2008). *Kajian Perlaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Falsafah Pendidikan Islam*. Laman Web rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses pada 12 November, 2015 dari <http://www.moe.gov.my/my/Pengenalan-Falsafah-Fungsi-BPI>
- Mohd Ismail Mustari & Salini Mohd Salleh (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Program Usrah di SMKA (P) Al-Mashoor*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mohd. Mahzan Awang, Sayuti Abd. Ghani, Che Pee Saad & Md. Sabri Adnan (2008). *Surau sebagai Institusi Sosial ke Arah Pembangunan Insan: Kajian Kes di Institusi Pengajian*

*Tinggi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.*

Mohd. Nasir Ripin, Azmishah Suratman, Ramli Awang, Sayed Mahussain Sayed Ahmad & Zulkiflee Haron (2006). *Kajian Program Bina Sahsiah Staff di IPTA: Kajian Kes di UTM & USM.* Skudai, Johor: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.

Selamah Maamor (2014). Temubual bersama Tn. Hj. Ayob Md Paijan (Timb. Pengetua HEP) di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan pada 2 Oktober 2014.

Suhana Ramli & Osman Sabran (2002). *Perlaksanaan Aktiviti Kerohanian di Kalangan Siswi Muslim: Satu Kajian di Kolej Tun Razak.* Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Syarifah Nooraida Wan Hasan & Syarifah Fatimah Wan Jamel (2011). Tinjauan Keperluan Aktiviti Kerohanian dalam Kalangan Guru Pelatih Muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, Jilid 10, 1-13.

Turki Rabih (1982). *Dirasat Fi At-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa As-Syakhsiyah Al-Wataniyyah.* Beirut: Al-Muassasah al-Jamii`iyah al-Dirasat al-Nashri al-Tauzi.

Utusan Online (Julai 18, 2011). *Jenayah Libatkan Remaja, Pelajar Sekolah Semakin Meningkat.* Diakses pada 19 Oktober, 2015 dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0718&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_08.htm#ixzz3pAA716Yk](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0718&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm#ixzz3pAA716Yk)

Utusan Online (April 11, 2014). *Peningkatan Kes Juvana: Di Manakah Nilai Seorang Remaja?* Diakses pada 19 Oktober, 2015 dari [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140411/re\\_07/Peningkatan-kes-juvana-Di-manakah-nilai-seorang-remaja#ixzz3pAA716Yk](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140411/re_07/Peningkatan-kes-juvana-Di-manakah-nilai-seorang-remaja#ixzz3pAA716Yk)